

Kompleks kebudayaan dibatalkan?

KUALA LUMPUR, Sabtu — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad

membatalkan kerajaan tidak akan membina kompleks kebudayaan di bandaraya, jika ia hanya dijadikan seekor 'gajah putih'.

"Tambahan pula, kompleks moden yang pernah dicadangkan dengan harga berjuta-juta ringgit itu, tidak dapat dibina buat masa ini kerana soal keutamaan pembangunan negara.

"Walaupun kerajaan mempunyai hasrat untuk

mengadakan kemudahan seperti itu, kekurangan wang menyebabkan kita harus menikirkan soal keutamaan pembangunan," kata Perdana Menteri ketika melancarkan Yayasan Seni di sini, malam ini.

"Mujur juga kerajaan tidak terus membelanjakan berjuta-juta ringgit untuk membina kompleks itu. Jika kita melihat kepada kegiatan dan perkembangan seni pada tahap sekarang, kita akan mempunyai seekor 'gajah putih' di Kuala Lumpur," katanya.

Katanya, tidak guna dewan yang cantik dan penuh dengan kelengkapan moden jika tidak ada pertunjukan. Tidak guna dewan yang besar jika

pertunjukannya disaksikan oleh beberapa kerat penonton sahaja.

Beliau menjelaskan desakan supaya kerajaan membina kompleks kebudayaan itu timbul pada tahun 60an di mana pelbagai kegiatan kebudayaan dianjurkan.

Ketika itu, Kuala Lumpur menjadi pusat seni dan kebudayaan. Hampir setiap bulan ada sahaja kegiatan seperti drama pentas dipertunjukkan kepada orang ramai, anjuran badan-badan sukarela dan institusi pengajian tinggi.

Seni

Keghairahan kehidupan seni itu menyebabkan timbul desakan supaya kerajaan membina sebuah kompleks kebudayaan yang serba moden untuk menampung dan menggalakkan perkembangan seni.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata kemudahan yang ada untuk menampung kegiatan kebudayaan dan seni pada masa ini adalah lebih daripada mencukupi. Setiap pusat pengajian tinggi mempunyai dewan yang besar, moden dan lengkap.

Begitu juga badan-badan berkanun seperti Dewan Bahasa dan Pustaka, Dewan Bandaraya dan Majlis Peibandaran lain, selain dari hotel-hotel terkemuka yang mempunyai kemudahan seperti itu. Apabila kompleks Umno siap, satu lagi tempat yang besar untuk pertunjukan boleh digunakan.